

23/07/2002

Jangan khianati bahasa Melayu

Salbiah Ani

MALAM Bahasa Jiwa Bangsa: Malam Ini di Balai Budaya di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, malam Sabtu lalu, sarat dengan suara yang mengharapkan bahasa Melayu dikembalikan kedudukan dan maruahnya.

Tidak ketinggalan malam sempena meraikan ulang tahun ke-46 pembentukan DBP selaku badan yang bertanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu dan sastera kebangsaan negara ini turut bersimpati dengan badan berkanun terbabit dalam berdepan dengan cabaran mendatang.

Tirai majlis malam itu dibuka dengan bacaan syair oleh Wan Norliana Wan Jusoh yang memilih karya

Malam ini dibuka dengan syair Malam Ini Di Dewan Bahasa karya Rogayah A Hamid dan disusuli dengan beberapa klip video, deklamasi puisi, nyanyian koir dan lagu puisi serta sketsa.

Klip video wawancara dengan beberapa tokoh veteran dan muda yang mempunyai kaitan langsung dengan DBP serta pandangan berhubung kedudukan bahasa Melayu dewasa ini disiarkan secara berselang-seli dengan beberapa acara pada malam terbabit.

Sasterawan Negara (SN), Datuk Abdullah Hussain, umpamanya melihat keadaan hari ini sebagai celaru dan keliru kerana pada masa lalu mereka memperjuangkan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa rasmi serta percaya negara merdeka memerlukan satu bahasa nasional tanpa menafikan bahasa Inggeris sebagai satu keperluan.

Zainal Rashid Ahmad yang mewakili Sekretariat Penulis Muda Gapena (SPMG) pula melihat bahasa Melayu belum mencapai kedudukan membanggakan seperti dalam kenyataannya: "Bahasa Melayu tidak boleh terus menjadi bahasa patriotisme dan ia harus menjadi bahasa moden serta tugas DBP untuk memikirkan perkara terbabit.

Sebahagian besar puisi yang dideklamasikan pada majlis terbabit begitu menikam kalbu dan mengingatkan khalayak kepada sejarah perjuangan bahasa Melayu dan peristiwa hitam yang bakal mewarnainya.

Pasti ramai khalayak yang `terhiris' dengan puisi Orang Tua Dari Sejarah karya SN, Datuk A Samad Said, kedengaran lembut tetapi menusuk hati berkisar kepada kebimbangannya terhadap nasib bahasa Melayu.

Samad nyata berharap `teguran' dan `kebimbangan' yang disuarakannya lewat puisi terbabit tidak disalah mengerti pemimpin negara dan puisi yang dikarang dua hari sebelum majlis berlangsung itu ditulis atas kesedaran tidak mahu melihat bangsa Melayu mengalami satu lagi peristiwa pahit.

...Aku orang tua uzur dari Geylang Serai,
Singapura, telah hilang pulau sebuah,
gusar, terlalu memburu ilmu tertentu
mungkin berdarah lagi bahasa pusakaku...

...Pemimpin awalku menyelamatkan bangsanya
dengan melepaskan pulau paling pusaka.

... Sekali ini kuberjujur kepada pemimpin
berkawan atau berlawan - demi kebangsaan.

Tapi, tetap kudoa mereka damai berkafilah.....usah diradak bahasa dengan sains-matematika.

Kini doa kudus saja harta terakhirku di maya.

Aku ingin pandai tanpa kehilangan bahasa.

Sutung Umar RS pula begitu lantang bersuara lewat puisinya, Si Algojo Itu, yang juga berkisar kepada perkembangan terbaru bahasa Melayu dan

pasti semua khalayak pada malam terbabit dapat menduga siapa tokoh yang dikiaskan.

...Si algojo itu tidak membenarkan
siapa pun bersuara
kerana bersuara adalah menentangnya...
...Si algojo itu yang menerima nasihat silap
kini sedang menyiapkan diri
untuk meminum darah rakyat
sebelum rakyat sendiri bangun
untuk menghirup darah dan meratah dagingnya.
...Di seluruh ceruk rantau tanah air mereka menyeru:
Bangun bangsaku, Bangun!
Jangan biarkan siapapun menghina bahasa kita
kerana bahasa kita adalah bangsa kita
kerana bangsa kita adalah negara kita.

Sketsa Perjuangan Belum Selesai - Bahagian II yang dijayakan Imuda, Sabri Yunus, Bohari Ibrahim, Rasdi Daud dan Mohamad Asli Osman menggamit deraian ketawa khalayak meskipun yang dibicarakan adalah isu kontemporari mengenai bahasa Melayu.

Sesetengah perlakuan anggota Kabinet dalam peristiwa ketika Dr Mahathir Mohamad mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri seakan diimbis kembali tetapi secara halus dan hanya mereka yang pernah menyaksikan adegan berkenaan dapat menelah tokoh sasaran sindiran.

Tokoh filem, Datuk Jins Shamsudin, tampil di pentas sambil berseloroh beliau mahu bercerita dan bukannya berpuisi mendeklamasikan puisi sinis, Cerita Tentang Bahasa, sempat menyindir lewat beberapa bait puisinya: Bahasa mereka kita pelajari, bahasa kita kita cemari.

Langkah penyair muda yang kerap menampilkan falsafah Hindu dalam karyanya, Uthaya Sangkar SB, mengumumkan bahawa beliau akan mendeklamasikan puisinya, Bahawa Kita Adalah Kekasih, menyebabkan khalayak tertanya-tanya mengapa puisi sedemikian menjadi pilihan.

Bagaimanapun tanda tanya itu terjawab apabila bait demi bait puisinya terhambur keluar daripada mulut penyair muda yang memakai kurta tetapi tetap menyayangi bahasa rasmi negaranya, bahasa Melayu,

...Kalau anak cucu bertanya
di mana bahasa Malaysia
apakah aku perlu menjawab
bahasa Malaysia lahir
dan dikuburkan pada alaf baru...

Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, mendeklamasikan puisinya, Pancang Bahasa, Zaidi Omar (Aku Tidak Menyesal), Zaen Kasturi (Samudera Kita), Datin Robiah Arshad (Jangan Jadikan Pusaka Dalam Pusara), Pyan Habib (Bahasa Jiwa Bangsa) dan Suhaimi Muhammad (Berikan Sapi Itu Kepada Kami).